

iCEPS UiTM lancar program pendidikan sepanjang hayat 2.0

Oktober 7, 2023 @ 11:29pm



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Gambar fail

KUALA LUMPUR: Institut Pengajian Profesional Pendidikan Berterusan (iCEPS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) melancarkan Program Pendidikan Sepanjang Hayat 2.0 bertujuan menyediakan peluang untuk mengikuti pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata program itu memaksimumkan potensi platform teknologi dan selaras dengan agenda Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025 kementerian berkenaan.

"Matlamatnya ialah memperkasa pengetahuan masyarakat pada pelbagai peringkat dan bagi memastikan kelestarian global dengan mengambil kira pembangunan

"ekonomi gig yang mempunyai pengaruh besar terhadap ekosistem pengajian tinggi," katanya dalam ucapan pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke-50 iCEPS.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Datuk Prof Dr Norzaini Azman.

Mohamed Khaled berkata, iCEPS juga menjalin kerjasama dengan CelcomDigi Berhad dalam projek dinamakan sebagai Pendidikan Pintar bagi membantu institusi itu melaksanakan Program Pendidikan Sepanjang Hayat 2.0.

Beliau berkata, antara bidang utama kerjasama termasuk platform pembelajaran digital, penyampaian dan kebolehcapaian kandungan, pembangunan kemahiran, penyelidikan serta inovasi dan pembabitan masyarakat.

"Kerjasama ini membolehkan golongan profesional berinteraksi dengan pemain industri, bertukar pengalaman dan belajar daripada pakar terbaik dalam bidang masing-masing," katanya.

Mohamed Khaled berkata, penguasaan ilmu diterapkan dengan teknologi terkini perlu diberikan penekanan serius dan lebih baik.

"Menangani semua cabaran ini memerlukan pendekatan pelbagai aspek termasuk merangkumi program pendidikan yang komprehensif, pembabitan masyarakat, usaha outreach bersasar dan kerjasama dalam kalangan profesional, pendidik, penggubal dasar serta pemimpin masyarakat," katanya. – BERNAMA